

30 JUL 2002

PITA RAKAMAN SUDAH CUKUP SEBAGAI BAHAN KES PENDAKWAAN, KATA RAIS

KUALA KLAUANG, 30 Julai (Bernama) -- Pita rakaman yang mengandungi tohmahan bahawa Perdana Menteri menonton video lucah bersama seorang cucunya sudah cukup untuk dijadikan bahan kes bagi mendakwa individu terbabit tanpa perlu laporan polis dibuat, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim.

"Pita (rakaman) yang diperolehi daripada RTM (Radio dan Televisyen Malaysia) itu sudah mencukupi untuk digunakan sebagai bahan kes. Tinggal lagi, sekiranya pihak polis mempunyai bahan kes yang sama atau tambahan ia lebih baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Teknologi Pendidikan di Wisma Umno di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas petikan klip video ceramah bekas Anggota Parlimen Bachok, Bunyamin Yaacob yang menuduh Dr Mahathir menonton video lucah bersama seorang cucunya.

Katanya, tidak semestinya sesuatu kes itu perlu menunggu laporan polis untuk diambil tindakan kerana sekiranya perbuatan itu sudah diketahui umum dan ada saksi yang melebihi seorang, kes itu boleh dibawa kepada perhatian pihak pendakwaan dan diambil tindakan.

"Tidak ada laporan polis tidak menjadi masalah. Sesuatu jenayah itu tidak perlu menunggu laporan polis baru hendak diambil tindakan. Itu yang berlaku selama ini, iaitu buat laporan dulu, baru hendak diambil (tindakan).

"Tetapi sekiranya polis terus dapat tahu sesuatu jenayah itu berlaku, polis boleh ambil tindakan kemudian merakamnya dalam bentuk laporan. Jadi dalam kes ini, sekira buktinya cukup, maka aduan boleh dibuat. (Pihak) awam terpaksa membuat aduan sama ada kepada polis atau terus kepada pihak pendakwa raya," katanya.

Rais berkata bagaimanapun beliau berpendapat sebaiknya Perdana Menteri sendiri membuat keputusan sama ada ingin mengambil tindakan atau tidak kerana sekiranya pihak yang kena fitnah tidak mahu mengambil apa-apa tindakan, maka tiada apa-apa yang dapat dilakukan.

-- BERNAMA

APG ROS